

Dasar ekonomi hingga 2000

Usul Mapen

jadi pedoman

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan akan mengkaji semua cadangan, terutama oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen), sebelum mengemukakan satu rancangan ekonomi negara bagi tempoh menjelang tahun 2000, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada masalah ketidakseimbangan ekonomi antara kaum demi perpaduan kaum dan kestabilan negara.

Katanya, walaupun objektif Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak dapat dicapai sepenuhnya, dasar itu tetap berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dan jurang perbezaan taraf ekonomi antara kaum.

Beliau berkata, kedudukan ekonomi negara juga terus bertambah kukuh dan harapan kerajaan bahawa pelaburan sektor swasta dari dalam dan luar negara akan meningkat, sudah menjadi kenyataan.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin pertumbuhan ekonomi bagi tahun ini dijangkakan sebaik tahun lalu berikutan penyusunan rapi struktur ekonomi, khususnya bagi menghadapi cabaran di pasaran antarabangsa.

Katanya, satu daripada perubahan struktur itu ialah menjadikan ekonomi negara kurang bergantung kepada eksport barangan utama, sebaliknya menggalakkan pembangunan industri perkilangan.

Beliau berkata demikian dalam ucapan tahunan dan ikrar taat setia di majlis menghadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena ulang tahun ke-62 keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu mengatasi paras lapan peratus dan imbalan bayaran negara sangat memuaskan.

"Kita turut mengalami pertambahan pelaburan bagi lima bulan pertama ini, yang dianggarkan melebihi 12 bulan pada tahun lalu. Kebanyakan syarikat perusahaan dan perdagangan mencatat keuntungan yang tinggi, bahkan pendapatan sesetengah pekerja juga meningkat," katanya.

Mengenai keadaan keselamatan negara, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pada keseluruhannya kedudukan keselamatan adalah terpelihara dan menegaskan bahawa kerajaan dan rakyat akan terus berwaspada terhadap ancaman musuh.

Sehubungan itu, beliau berharap perletakan senjata Parti Komunis Malaya (PKM) hujung tahun lalu akan melenyapkan terus ideologi perjuangan mereka di kalangan penganas komunis.

Perdana Menteri berbangga Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun turut menjayakan Sidang Kemuncak Pertama Kumpulan Perunding dan Kerjasama Selatan-Selatan yang diadakan di sini, dari 1 hingga 3 Jun lalu.

"Kerajaan yakin Malaysia kian dikenali di mata dunia dan persidangan itu secara langsung menyumbang kepada program Tahun Melawat Malaysia, yang menunjukkan kejayaan menggalakkan," katanya.

Perdana Menteri bagi pihak semua kakitangan kerajaan seterusnya berjanji akan menumpukan usaha dan tenaga untuk menyempurnakan tugas serta tanggungjawab bagi menjamin kemakmuran, keselamatan dan kebahagiaan rakyat serta negara.